

KUALITI TERAS KECEMERLANGAN!

Sekolah Perubatan telah memulakan program kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) pada bulan Ogos tahun lalu. Program ini disasarkan kepada kumpulan sokongan untuk membantu pihak pengurusan menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi dalam rutin kerja harian. Sehubungan itu, sekolah telah menganjurkan bengkel Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) pada 13 hingga 15 Februari 2009. Bengkel selama 3 hari 2 malam ini telah dirasmikan oleh Dekan Sekolah Perubatan, Prof Dr Osman Ali. Bengkel ini telah dihadiri oleh kumpulan pengurusan dan kumpulan teknikal. Objektif bengkel ini adalah untuk memperolehi pengetahuan mengenai konsep, struktur, prinsip dan amalan-amalan yang terdapat dalam program KMK selain mempelajari teknik-teknik menyelesaikan masalah KMK secara kualitatif dan kuantitatif.

Encik Awang Ahmad Zaki dari INTAN Sabah, telah dijemput sebagai penceramah bagi bengkel ini. Peserta-peserta bengkel begitu bersungguh-sungguh ingin mengetahui segala ceruk peruk mengenai KMK dengan mengemukakan soalan-soalan yang bertalu-talu. Setiap kumpulan mempraktikkan KMK dengan mempersembahkan cadangan masalah mereka. Tunjuk ajar yang diberikan oleh penceramah terhormat kepada setiap kumpulan adalah bahawa setiap masalah memerlukan perincian dari segi definisi, kekerapan masalah, graf pareto dan uji cuba. Semoga dengan tertubuhnya kumpulan KMK di Sekolah Perubatan dapat memperbaiki dan meningkatkan kualiti kerja melalui kebolehan menyelesaikan masalah dan kesedaran tanggungjawab terhadap diri, kumpulan, jabatan dan negara sekaligus mewujudkan budaya kerja yang cemerlang.

